

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : PUAN NOORITA BINTI SUAL [ TENOM ]**

**TARIKH : 31 OKTOBER 2019 (KHAMIS)**

**SOALAN NO. 5**

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan mengapakah terdapatnya sekolah dan institusi pendidikan didapati mempunyai banyak masalah ketiadaan Sijil Siap dan Pematuhan (CCC) atau Sijil Layak Menduduki (CF). Apakah kriteria atau asas pertimbangan KPM dalam merancang pembinaan sekolah-sekolah baharu pada masa akan datang.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sedar akan kewujudan sebilangan sekolah yang tidak mempunyai Sijil Siap dan Pematuhan (CCC) atau Sijil Layak Menduduki (CF). Kebanyakan sekolah yang tiada CCC/CF dibina pada tahun-tahun 50an hingga 90an. Perlu dijelaskan bahawa isu ini wujud disebabkan oleh urusan pembinaan sekolah pada ketika itu adalah berdasarkan kepada keperluan masyarakat setempat tanpa mengambil kira hal-hal berkaitan seperti pemilikan tanah sama ada tanah berkenaan adalah milik kerajaan, milik persendirian, milik ladang atau sebagainya. Tambahan pula, pada masa tersebut sijil layak menduduki bangunan daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), belum diwajibkan.

Perlu dimaklumkan di sini bahawa ketiadaan CCC atau CF bukanlah bermaksud sesebuah institusi pendidikan itu tidak selamat. Terdapat sebahagiannya disebabkan oleh kriteria atau syarat yang dikenakan pihak berkuasa tempatan seperti pembinaan atau pelebaran jalan,

## NO. SOALAN: 5

pemasangan lampu jalan atau lampu isyarat, pembinaan jejantas atau *flyover*, isu penyerahan tanah atau pemilikan tanah, isu kompaun yang belum dijelaskan kepada PBT dan pelbagai lagi.

Bagi memenuhi syarat-syarat ini, adakalanya memerlukan kos tambahan yang tinggi, sedangkan institusi pendidikan telah siap dan lama beroperasi dan syarat seperti pembinaan yang dikehendaki pula berada di luar kawasan institusi pendidikan. Syarat dan tuntutan yang dibuat oleh PBT pula berbeza antara satu sama lain, dan berbeza mengikut Negeri. Kementerian mengakui, Kerajaan Tempatan adalah di bawah bidang kuasa Negeri seperti senarai Negeri yang termaktub dalam Perlembagaan.

Sebagai permulaan, bagi menyelesaikan isu ini KPM telah menghubungi sembilan (9) orang Exco/Menteri Pendidikan Negeri secara rasmi bagi membantu KPM mendapat pertimbangan khas untuk memansuh atau mengurangkan kompaun, syarat tanah dan lain-lain yang boleh mengakibatkan kos yang tinggi kepada Kerajaan Persekutuan. Melalui pemansuhan atau pengurangan kompaun atau syarat ini, sebarang penjimatan akan dapat disalurkan kepada projek pembangunan pendidikan yang sedang dilaksanakan sekarang.

Bagi tujuan ini, KPM telah menubuhkan satu *task-force* untuk memutihkan projek-projek tersebut yang tidak mempunyai CCC/CF dengan bantuan daripada PBT dan kerajaan negeri agar projek institusi pendidikan yang telah lama dibina dan beroperasi dapat diberikan pertimbangan khas supaya kesukaran mendapat CCC / CF dapat diatasi.

Sekian, terima kasih.

RJM 47